

## LITERATURE REVIEW ON THE ISSUE OF ACCEPTANCE AND REJECTION OF VACCINES FROM ISLAMIC PERSPECTIVE

### SOROTAN LITERATUR TERHADAP ISU PENERIMAAN DAN PENOLAKAN VAKSIN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Nurul Hidayah Sultan Ahmad<sup>i</sup> & Muhammad Adib Samsudin<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> Calon Sarjana. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dayah\_ahmad91@yahoo.com

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. adib@ukm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>Vaccines are one of the medicine used to prevent certain diseases such as measles, tuberculosis, whooping cough, ditheria, tetanus, polio and other diseases which could lead to death. The government of Malaysia has taken many initiatives to ensure the citizens' health is in good condition throughout their life from babies, teenagers, adults and until the older generations. The National Immunization Programme has been introduced since 1950 to protect the community from high risk diseases. There are many high-risk diseases that have been prevented successfully through this programme. But nowadays, issues related to the use of vaccines have become a buzzword in the community. The society today can be divided into two groups, the group who supports the use of vaccine and the one who refuses its use. Indeed, vaccination and immunization have been rejected by a number of Malaysians on several reasons. Hence, this paper work is to provide response regarding the vaccination issue and to explain the need of vaccine in protecting human being against infectious diseases. This study uses qualitative method of collecting data through document analysis. The study is analysed by description analysis method. The results showed that the use of immunization through injection vaccine conducted in this country is in line with Islamic law.</i></p> <p>Keywords: <i>Vaccine, immunization, health, measles, government.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Vaksin ialah salah satu bahan perubatan yang digunakan untuk mencegah penyakit-penyakit tertentu seperti campak, tibi, batuk kokol, dipteria, tetanus, polio dan lain-lain yang mana penyakit-penyakit tersebut boleh mengakibatkan kehilangan nyawa. Di malaysia secara umumnya kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi memastikan penjagaan kesihatan rakyatnya sama ada di peringkat bayi, kanak-kanak, remaja, dewasa mahupun orang tua berterusan dalam keadaan baik dan terkawal. Program Imunisasi Kebangsaan telah diperkenalkan sejak tahun 1950-an dan berterusan sehingga ke hari ini bagi melindungi masyarakat daripada penyakit berbahaya. Melalui program ini pelbagai penyakit berbahaya telah berjaya dicegah. Namun pada hari ini, isu berkaitan penggunaan vaksin telah menjadi perbualan hangat dalam kalangan masyarakat. Masyarakat pada hari ini boleh dikategorikan kepada dua kelompok baik yang pro kepada penggunaan vaksin atau sebaliknya. Sesungguhnya pemberian vaksin dan imunisasi telah ditolak oleh sebilangan rakyat Malaysia atas beberapa alasan. Justeru, kertas kerja ini adalah satu sorotan literatur terhadap isu penggunaan vaksin untuk menjelaskan keperluan vaksin dalam pencegahan penyakit dan membentangkan</i></p>

	<p><i>hukum berkaitan keperluan merawat penyakit dari perspektif Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpulkan data melalui analisis dokumen. Kajian ini dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan imunisasi melalui suntikan vaksin yang dijalankan di negara ini adalah selari dengan tuntutan syarak.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Vaksin, imunisasi, kesihatan, campak, kerajaan.</i></p>
--	--

## PENDAHULUAN

Isu berkaitan vaksin sedang diperkatakan dan diperbahaskan oleh masyarakat Malaysia pada hari ini. Pelbagai spekulasi dan andaian yang diberikan terhadap penggunaan vaksin dan imunisasi. Golongan masyarakat di negara ini boleh dibahagikan kepada dua kelompok baik yang pro kepada penggunaan vaksin atau sebaliknya. Hal ini disebabkan timbulnya perasaan ragu-ragu dan was-was oleh sebilangan masyarakat terutamanya yang beragama Islam untuk menggunakan vaksin sebagai keadah rawatan pencegahan.

Permasalahan ini berpunca daripada rasa ragu-ragu terhadap bahan yang terkandung dalam vaksin itu sendiri (Siti Aisyah Ismail, 2014). Ada yang berpandangan bahawa vaksin diperbuat daripada bahan-bahan daripada sumber yang tidak halal seperti babi (Channel New Asia, 2015).

Antara faktor lain penolakan vaksin sebagai kaedah rawatan pencegahan adalah disebabkan kecenderungan sebilangan masyarakat terhadap rawatan alternatif lain seperti homeopati dan pemakanan sunah (Norkumala Awang, 2016), susu ibu serta bekam dan lain-lain (Pseudoscience Watch, 2016). Golongan ini terbahagi kepada dua kelompok, sebahagiannya menerima vaksin sebagai rawatan pencegahan penyakit dan sebahagian lagi berpandangan bahawa rawatan alternatif yang diamalkan mereka sudah mencukupi untuk merawat penyakit tanpa perlu mengambil suntikan vaksin.

Dalam pada itu, terdapat juga golongan pengamal homeopati yang turut terlibat dalam gerakan penentangan vaksinasi malah mendakwa bahawa terdapat vaksin homeopati yang setanding dengan vaksin konvensional dalam merangsang sistem imuniti tubuh. Akan tetapi kenyataan ini telah disangkal oleh Pihak Perubatan Homeopati Malaysia sendiri dalam satu Seminar Vaksinasi di Putrajaya, bahawa sesungguhnya tidak wujud vaksin homeopati dalam silibus perubatan homeopati yang diamalkan mereka (Amirul Azmeer, 2016).

Menurut Abd Rahim Mohammad iaitu Presiden Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM) perkara ini disulitkan lagi dengan pandangan yang berbeza-beza dikalangan golongan agamawan yang tidak diketahui kredibilitinya berkaitan isu vaksin dan mengakibatkan masyarakat keliru terhadap hukum vaksinasi lalu mengakibatkan sebahagiannya menolak pemberian vaksin (Anon, 2016).

Meskipun Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan fatwa terhadap isu vaksin akan tetapi masih terdapat golongan ibu bapa dan masyarakat yang menolak pemberian vaksin dengan menggunakan alasan agama sebagai hujah untuk menolak vaksinasi (Mohd Hafezee Mohd Arop, 2016).

Menurut Zubaidi Ahmad (2015) kekeliruan ini juga berpunca dari agamawan yang tidak memahami secara jelas proses penghasilan vaksin itu sendiri. Sesungguhnya untuk menghasilkan sesuatu jenis vaksin memerlukan satu proses yang amat rumit. Justeru perbezaan pandangan disebabkan mereka (sebilangan agamawan) meletakkan sesuatu hukum ke atas vaksin tanpa menjalankan kajian dan penyelidikan secara menyeluruh berkaitan vaksin terlebih dahulu.

Faktor-faktor tersebut telah menyebabkan kepada kemunculan gerakan anti vaksin dalam golongan masyarakat. Menurut Dr. Khoo Yoong Khean (2013), gerakan ini semakin menular dengan kemunculan artikel di portal berita, laman sesawang dan jaringan media sosial yang memainkan peranan untuk menyebarkan pahaman tidak

benar, seperti pengambilan vaksin akan memberikan kesan sampingan negatif contohnya, berisiko untuk mendapat penyakit seperti autisme (Novella Steven, 2010) sindrom bayi mati mengejut, sawan, dan penyakit mental (Archana Chatterjee, 2013).

Dakwaan bahawa vaksin boleh menyebabkan kecacatan dan kematian merupakan kenyataan yang tidak berasas dan tiada kajian saintifik yang menyokong kenyataan ini. Meskipun ratusan kajian yang membuktikan vaksin selamat untuk digunakan namun golongan ini tetap memegang teguh pandangan bahawa vaksin memudaratkan penggunaannya.

Selain itu juga, ada sebahagian ibu bapa yang menolak penggunaan vaksin mendakwa bahawa anak yang tidak divaksin tetap sihat dan normal seperti anak yang divaksin serta tidak dijangkiti penyakit berbahaya. Hakikatnya anak itu (yang tidak divaksin) terlindung daripada jangkitan berbahaya kesan daripada imuniti kelompok "*herd immunity*" (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015). Sistem perlindungan ini wujud apabila majoriti masyarakat dalam sesuatu komuniti itu mendapatkan imunisasi yang menyebabkan sesuatu wabak atau penyakit sukar mencari organisme (tubuh) untuk dijangkiti, dan kesan daripada itu mengakibatkan golongan minoriti yang tidak menggunakan vaksin turut terlindung (Amirul Azmeer, 2016).

Hakikatnya sebahagian rakyat Malaysia sukar untuk menilai tahap teruknya penyakit cegahan vaksin ini kerana penyakit tersebut masih lagi dalam fasa kawalan dan mereka menganggap ancamannya tidak terlalu memudaratkan kehidupan. Sesungguhnya, sebahagian masyarakat masih dalam kekeliruan antara langkah pencegahan atau perubatan. Maka, kekeliruan ini perlu dijelaskan untuk mengelakkan kesalah fahaman dan pengabaian dalam pengambilan vaksin yang mana risikonya boleh mengancam nyawa serta memudaratkan kehidupan.

Laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan terdapat peningkatan kes penyakit cegahan vaksin dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Hal ini amat membimbangkan dan usaha kerajaan dalam membasmi penyakit cegahan vaksin tidak dapat dilaksanakan disebabkan penolakan pemberian vaksin oleh sebahagian masyarakat Malaysia (Anon, 2015).

Justeru itu, kertas kerja ini merupakan satu sorotan literatur yang dilaksanakan bagi merungkai kesalah fahaman berkaitan penggunaan vaksin di Malaysia agar usaha kerajaan dalam mencegah penularan penyakit cegahan vaksin dapat dilaksanakan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen yang terdiri daripada sumber perpustakaan, iaitu; al-Quran, Kitab Hadis, Kitab Fiqh, Buku-buku, dan artikel yang berkaitan dengan sains dan perubatan. Pengkaji juga menggunakan laman sesawang sebagai alat untuk mengumpulkan data. Penganalisan data dilakukan menggunakan pendekatan analisis secara deskriptif.

Struktur artikel ini dimulakan dengan perbincangan isu penolakan vaksin dan imunisasi diikuti dengan analisis sorotan literatur yang berkaitan kepentingan vaksin dalam pencegahan penyakit serta hukum penggunaan vaksin menurut perspektif Islam dan diakhiri dengan penutup.

## **ANALISIS SOROTAN LITERATUR**

### **Pengenalan Vaksin**

Vaksin yang digunakan oleh manusia sehingga hari ini telah diasaskan oleh Edward Jenner (1749-1823), iaitu seorang pakar imonologi British yang telah dianugerahkan dengan gelaran "Bapa Imonologi" sebagai menghargai jasanya atas kejayaan beliau menemukan vaksin cacar (Gregory A.Poland et all, 2012).

Penemuan ini merupakan titik permulaan kepada perkembangan vaksin. Pada tahun-tahun berikutnya, pelbagai penemuan vaksin baru telah dihasilkan. Perkembangan ini menghasilkan beberapa jenis vaksin yang berlainan untuk mencegah penyakit berbahaya. Perkembangan ilmu perubatan dan kemajuan teknologi turut

menyebabkan penghasilan vaksin terinovasi dan melalui penambahbaikan dalam proses pembuatannya.

Menurut Noor Hasima Nagoor (2003), perkembangan moden menyebabkan banyak kajian imunologi dijalankan dan hanya ahli imunologi yang boleh menjalankan kajian ini kerana mereka lebih memahami fisiologi dan peranan sistem imun bagi mengelak serta melawan jangkitan dan turut mengurangkan kesan jangkitan.

Vaksin mengandungi bahan aktif dipanggil antigen yang diambil daripada sebahagian atau keseluruhan struktur virus atau bakteria yang telah dilemahkan dan digunakan untuk menghasilkan kekebalan aktif terhadap sesuatu penyakit serta berfungsi merangsang sistem imuniti (sistem daya lawan) terhadap jangkitan penyakit tertentu (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015).

Bahan yang terkandung dalam vaksin terdiri daripada beberapa komponen tambahan seperti pengawet, penstabil, adjuvant dan beberapa komponen lain yang mempunyai fungsi tertentu menyumbang kepada kualiti, keselamatan dan keberkesanan vaksin dalam melawan sesuatu penyakit (Nathalie Garcon, 2011).

Imunisasi atau pelalian hasil suntikan vaksin boleh diklasifikasikan sebagai satu alat yang berperanan untuk menghasilkan antibodi dan menguatkan sistem imuniti tubuh. Menurut Gordan L. Ada (1942), antibodi merupakan satu mekanisme yang berfungsi sebagai pertahanan pada tubuh untuk melawan sesuatu jangkitan. Imunisasi melalui suntikan vaksin mampu menghasilkan kebolehdaya tahan antibodi dalam setiap tubuh manusia.

Sesungguhnya imunisasi yang terhasil daripada suntikan vaksin juga merupakan satu proses untuk mengaktifkan imuniti buatan manusia di dalam tubuh bagi tujuan mencegah jangkitan penyakit berbahaya (Abd Rahman, 2013). Vaksin mengakibatkan sistem imuniti seseorang menjadi kebal dan berdaya tahan untuk melawan jangkitan penyakit yang menyerang tubuh.

Secara umumnya, Allah SWT telah mencipta manusia dengan sempurna. Setiap tubuh manusia telah dianugerahkan sistem imun semulajadi untuk menghalang tubuh daripada penyakit berbahaya. Walaubagaimanapun, vaksin berfungsi untuk membantu mengaktifkan dan menguatkan sistem imuniti yang sedia ada dalam tubuh manusia yang bertujuan memberi perlindungan dan kekebalan tubuh daripada dijangkiti penyakit.

Menurut Dr. Subramaniam iaitu Menteri Kesihatan Malaysia, sesungguhnya Kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk mencegah jangkitan penyakit tertentu dengan membelanjakan hampir lebih RM100 juta setiap tahun untuk menyediakan 12 suntikan vaksin dan diberikan kepada kanak-kanak sejak lahir sehingga berumur 13 tahun secara percuma (Anon, 2016) melalui Program Imunisasi Kebangsaan, yang mana program ini telah mula dilaksanakan sejak dari tahun 1950-an lagi.

Kanak-kanak di Malaysia hampir keseluruhannya menerima suntikan vaksin bagi mencegah penyakit berbahaya. Dahulu, sebelum kemunculan vaksin di Malaysia, laporan menunjukkan bahawa terdapat ramai kanak-kanak yang dijangkiti penyakit berbahaya seperti polio, rubella, cacar yang mana penyakit tersebut penyebab kecacatan kepada bayi yang baru lahir hingga mengakibatkan kecacatan mental kepada kanak-kanak tersebut dan berisiko kehilangan nyawa (Persatuan Padiatrik Malaysia, 2006).

Melalui Program Imunisasi Kebangsaan, dapat dilihat peratusan penyakit cegahan vaksin semakin berkurang. Kematian kanak-kanak telah menurun sebanyak 85% bagi tahun 1970 hingga 2000 (Suhazeli Abdulah, 2014).

Melihat kepada statistik, pada tahun 2011 terdapat 158,000 kematian yang dilaporkan akibat *Measles* (campak) di seluruh dunia. Akan tetapi penggunaan vaksin *Measles* (campak) daripada 2000-2011 telah menurunkan 73% kadar kematian di seluruh dunia (Suhazeli Abdulah, 2014). Ini membuktikan bahawa vaksin sangat berkesan melawan penyakit-penyakit berbahaya dan menjadi satu keperluan yang penting dalam penjagaan kesihatan.

Keberkesanan vaksin tidak dapat diragui dan turut dibuktikan melalui laporan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Kejayaan vaksinasi

terbukti apabila telah menyelamatkan kira-kira dua hingga tiga juta nyawa di seluruh dunia. Imunisasi berjaya mengurangkan kadar kematian, hilang upaya, dan kadar penyakit berjangkit yang berpunca dari virus dan bakteria tertentu (Margaret Chan, 2014).

Akan tetapi, amat membimbangkan apabila beberapa tahun kebelakangan ini, laporan menunjukkan statistik penyakit cegahan vaksin yang dahulunya telah berjaya dikurangkan semakin meningkat. Menurut Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr. Noor Hashim, bilangan ibu bapa yang enggan mengambil suntikan vaksin ke atas anak mereka meningkat pada setiap tahun (Anon, 2015). Sesungguhnya penularan penyakit cegahan vaksin boleh mengancam nyawa sehingga mengakibatkan kematian kepada kanak-kanak yang tidak mendapatkan imunisasi.

### **Konsep Kesihatan Dan Kecharusan Merawat / Mencegah Penyakit Menurut Islam**

Satu aspek penting dalam amalan perubatan ialah penjagaan kesihatan. Melalui kajian Colson (1970) dinyatakan bahawa penjagaan kesihatan terdiri daripada dua aspek, pertama bercorak positif yang bertujuan memastikan kesihatan berterusan, dan kedua bercorak negatif yang bertujuan menghalang penyakit, kedua-dua aspek ini penting dalam penjagaan kesihatan.

Penyelesaian kepada permasalahan kesihatan bukan sahaja melalui rawatan mengubati penyakit, bahkan antara langkah efektif yang boleh dilakukan adalah menerusi kaedah pencegahan. Islam sangat mementingkan aspek penjagaan kesihatan oleh sebab kesihatan itu memudahkan manusia mengerjakan suruhan Allah sebagai kalifah di atas muka bumi ini.

Kesihatan merupakan nikmat yang paling besar dikurniakan Allah kepada hambanya, tetapi sering diabaikan. Sesungguhnya Allah melarang orang yang beriman dari melakukan kebinasaan yang boleh memudaratkan diri. Ini berdasarkan firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 195:

﴿وَلَا تَلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ﴾

Maksudnya, “*Dan janganlah kamu mencampakkan dirimu dalam bahaya kebinasaan*” (al-Quran. al-Baqarah. 2: 195).

Ayat di atas merupakan dalil bahawa Allah menegah hambanya melakukan perkara-perkara yang membawa kepada kebinasaan. Hal ini meliputi penyakit-penyakit berbahaya yang boleh memudaratkan nyawa. Oleh yang demikian, langkah pencegahan penyakit seperti penggunaan vaksin adalah bertepatan dengan tuntutan syarak kerana vaksin berfungsi menghalang penularan penyakit-penyakit berbahaya yang boleh mengancam nyawa.

Selain itu juga, kuasa penyembuhan bagi sesuatu penyakit adalah hak mutlak Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam surah al-Shu'ara' ayat 80:

﴿وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ﴾

Maksudnya, “*dan apabila aku sakit, maka Dia lah yang menyembuhkan penyakitku*” (al-Quran. al-Shu'ara'. 26:80).

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Allah sahaja yang mampu menyembuhkan segala penyakit. Sebagai hambanya, kita hanya mampu berikhtiar seupaya mungkin bagi mencari penawar. Rasulullah juga, turut menyarankan kepada umatnya agar mencari penawar apabila ditimpa sesuatu penyakit. Ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW:

{ ما أنزل الله داء إلا أنزل له دواء }

Maksudnya, “*Allah SWT tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan juga penawarnya*” (Hadis. Ibn Majah. *Kitab al-Tibb. Bab Ma Anzalallah Da'an Illa Anzala Lahu Shifa'an*. No. 3638).

Jabir RA menyampaikan bahawa Rasulullah SAW menyatakan:

{ لكل داء دواء، فإذا أصيب دواء الداء برأ بإذن الله عزوجل }

Maksudnya, “Bagi setiap penyakit itu ada ubatnya, Maka apabila dijumpai ubat kepada suatu penyakit, nescaya disembuhkan dengan izin Allah” (Hadis Muslim. Kitab al-Salam. Bab Li Kulli Da’in Dawa’un wa Istihbab al-Tadawi. No. 5741).

Usamah bin Sharik RA menyampaikan bahawa seorang Badwi bertanya kepada Rasulullah SAW apabila dia mendapat penyakit “ wahai Rasulullah SAW, adakah kami perlu berubat? Rasulullah SAW menjawab:

{ تداووا فإن الله سبحانه لم يضع داء إلا وضع معه شفاء إلا الهرم }

Maksudnya, “Hendaklah kamu berubat, sesungguhnya Allah tidak menjadikan penyakit melainkan ada penawarnya, kecuali satu penyakit sahaja iaitu penyakit tua” (Hadis. Ibn Majah. Kitab al-Tibb. Bab Ma Anzalallah Da’an Illa Anzala Lahu Shifa’an. No. 3436).

Selain saranan untuk mendapatkan rawatan, Rasulullah juga menyarankan umatnya untuk mengambil langkah pencegahan daripada perkara-perkara yang boleh memudaratkan diri. Hal ini berdasarkan sabda baginda:

{ من تصبح سبع تمرات عجوة، لم تضره ذلك اليوم سم ولا سحر }

Maksudnya, “Sesiapa yang makan tujuh biji kurma Ajwah pada pagi hari, maka racun dan sihir tidak akan memudaratkannya pada hari tersebut” (Hadis. Muslim. No. 2047).

Begitu juga, terdapat hadis lain menunjukkan saranan mengambil langkah pencegahan daripada penularan sesuatu penyakit. Daripada Usamah bin Zaid daripada Sa’d, Rasulullah SAW bersabda:

{ إذا سمعتم بالطاعون بأرض فلا تدخلوها، وإذا وقع بأرض وأنتم بها فلا تخرجوا منها }

Maksudnya, “Jika kalian mendengar tentang wabak penyakit taun di sesuatu tempat, maka janganlah kalian memasuki tempat tersebut. Sekiranya wabak penyakit tersebut terkena di sesuatu tempat dan kalian sedang berada di tempat itu, maka janganlah kalian keluar dari kawasan tersebut” (Hadis. al-Bukhari. No. 5396).

Di atas merupakan dalil dan bukti bahawa Islam sendiri menggalakkan umatnya berusaha untuk mencari penawar bagi merawat serta mencegah sesuatu penyakit. Hal ini jelas menunjukkan apa jua ruang yang ada untuk mendapatkan rawatan dan mengubati penyakit perlu dimanfaatkan. Akan tetapi, hal itu dibatasi dengan larangan menggunakan ubat-ubatan yang berasaskan perkara-perkara yang haram. Ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW:

{ إن الله أنزل الداء والدواء وجعل لكل داء دواء، فتداووا ولا تداووا بحرام }

Maksudnya, “Sesungguhnya Allah SWT menurunkan penyakit dan menurunkan juga ubatnya. Maka, berubatlah kamu semua dan janganlah kamu berubat dengan perkara-perkara yang haram” (Hadis. Abu Dawud. No. 3376).

Juga sabda Rasulullah SAW:

{ وكل لحم نبت من سحت فالنار أولى به }

Maksudnya, “Setiap daging yang tumbuh daripada (perkara) yang haram, maka api neraka lebih layak baginya” (Hadis. al-Tabrani).

Dalam konteks Malaysia, pemberian vaksin sebagai salah satu langkah pencegahan daripada penyakit berbahaya adalah bertepatan dengan kehendak syarak. Sehingga hari ini, vaksin yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah

halal dan tidak ada satu pun vaksin yang dikeluarkan mengandung bahan yang terlarang seperti babi dalam proses pembuatannya (Suhazeli Abdulah, 2014).

Akan tetapi, tidak dinafikan terdapat beberapa jenis vaksin yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat luar, yang mengandungi bahan-bahan terlarang dalam proses pembuatannya, seperti Vaksin Campak dari Syarikat Merck (Attenuvax) yang mengandungi gelentin mentah yang diperolehi daripada kulit, tulang, tisu binatang seperti lembu, biri-biri, ikan dan babi (Merck & Co.Inc, 2006).

Begitu juga vaksin Meningitis Monumune yang mana vaksin ini diambil oleh jemaah haji dan umrah yang telah disyaratkan oleh Kerajaan Arab Saudi bagi mengelak risiko jangkitan Meningococcal Meningitis di kalangan jemaah haji dan umrah. Bahan yang terkandung dalamnya juga termasuk dari sumber bovine (lembu), prosin (khinzir) dan avian (itik) (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015).

Namun dalam beberapa keadaan seperti keadaan darurat yang mana tiada ubat-ubatan dari sumber yang halal yang boleh berkesan mengubati sesuatu penyakit, maka penggunaan ubat-ubatan yang berasaskan dari sumber yang dilarang adalah diharuskan selagi mana tiada ubat dari sumber yang halal ditemui.

Dalam keadaan ini, keharusan penggunaan ubat dari sumber yang dilarang adalah mengikut kadar keperluan sahaja. Sekiranya tidak didapati ubat-ubatan dari sumber yang halal oleh pesakit dalam keadaan darurat dan terpaksa menggunakan bahan-bahan yang terlarang, maka tidak menjadi kesalahan kerana keperluan yang mendesak tersebut. Terdapat kelonggaran yang diberikan dalam pengharaman ini demi untuk menghilangkan kesakitan dari tubuh badan (Basri Ibrahim, 2015). Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

﴿فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

Maksudnya, “Sesiapa yang terpaksa dengan tidak sengaja dan tidak melewati batas, maka tidaklah berdosa baginya, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Mengasihani” (al-Quran. al-Baqarah. 2: 173).

Konsep rawatan menggunakan vaksin mempunyai kepentingan dalam merawat dan mencegah penyakit berbahaya bersesuaian dengan tuntutan syarak. Penolakan sebilangan golongan masyarakat dalam penggunaan vaksin boleh mengakibatkan jangkitan penyakit cegah vaksin menular kembali. Ini mengakibatkan berlaku mafsadah dan kemudaratannya yang lebih besar kepada diri, masyarakat dan negara jika tidak dibendung.

Penggunaan vaksin sebagai agen pencegahan merupakan satu kaedah perubatan yang baru dan memerlukan kepada penelitian hukum menerusi garis panduan yang ditetapkan Islam. Ini termasuk dalam isu-isu *fiqh* kontemporari (*fiqh al-mu'asir*) yang memerlukan kepada perbincangan dari aspek masalah dan mafsadah dalam penggunaan vaksin itu sendiri.

Sesungguhnya, Allah memerintahkan manusia pada suatu yang membawa kepada kebaikan dan kemaslahatan serta melarang pada suatu yang membawa kepada keburukan dan kemudaratannya (Ibnu Qayyim, 1990). Al-Ghazali (1997) mendefinisikan masalah sebagai sesuatu yang memberi manfaat dan menolak sesuatu kemudaratannya. Masalah akan tercapai dengan menjaga dan memelihara tujuan-tujuan pengsyariaan (maqasid syariah).

Manakala menurut al-Shatibiyy (t.th) sesuatu yang dilaksanakan bertujuan untuk menjaga masalah ummah perlu memastikan bahawa perkara tersebut tidak bertentangan dengan lima prinsip maqasid syariah.

### Prinsip Maqasid Syariah

Vaksinasi memenuhi lima prinsip utama *daruriyat al-khams* dalam *maqasid al-shari'ah* iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Abul Fadl Mohsin Ebrahim, 2014).

### **Pertama: Agama (*Hifz al-Din*)**

Islam adalah agama yang amat mementingkan penjagaan kesihatan umatnya. Islam mengesa umatnya untuk memelihara kesihatan kerana penjagaan kesihatan seseorang individu akan menentukan tahap dan mutu kesihatan masyarakat secara umumnya. Taraf kesihatan yang baik membolehkan umat Islam melakukan ibadah dan melaksanakan tugas sebagai kalifah di atas muka bumi ini.

Program Vaksinasi Kebangsaan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan adalah langkah awal dalam usaha mengelakkan penyebaran penyakit-cegahan vaksin dari merebak. Oleh yang demikian, program vaksinasi yang dijalankan turut memenuhi tuntutan agama dalam aspek penjagaan kesihatan agar kelangsungan ibadah dapat diteruskan oleh umat Islam.

### **Kedua: Individu (*Hifz al-Nafs*)**

Allah telah mencipta manusia dengan sebaiknya, sesungguhnya tubuh manusia boleh menghasilkan sel dan antibodi secara semula jadi untuk melindungi tubuh badan daripada jangkitan virus dan bakteria.

Walau bagaimanapun, imunisasi pertahanan yang dirangsang oleh suntikan vaksin adalah bertujuan untuk menghasilkan antibodi yang khusus untuk penyakit tertentu. Vaksin bertujuan menguatkan imuniti tubuh seseorang, melalui rangsangan kepada sel pertahanan supaya mengenali bakteria atau virus tertentu pada masa hadapan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015).

### **Ketiga: Minda (*Hifz al-'Aql*)**

Kepentingan vaksin dalam melindungi tubuh badan dari sesuatu penyakit berbahaya akan melahirkan individu yang sihat. Justeru itu, tubuh badan yang sihat tanpa penyakit akan mencetuskan kecerdasan akal, pemikiran yang positif dan emosi yang seimbang.

### **Keempat: Masyarakat (*Hifz al-Nasab*)**

Vaksin bukan sahaja dapat memberi perlindungan kepada individu akan tetapi pengambilan vaksin turut memberi perlindungan kepada keluarga dan masyarakat. Apabila setiap individu dalam sekelompok masyarakat tersebut mengambil suntikan vaksin maka sesuatu bakteria atau virus penyebab penyakit berbahaya sukar mencari seseorang yang boleh dijangkiti (Suhazeli Abdulah, 2014)

Hal yang demikian menyebabkan kumpulan masyarakat tersebut terlindung daripada jangkitan penyakit berbahaya. Oleh itu, jelaslah pengambilan vaksin bukan sahaja memberi perlindungan kepada individu malah turut melindungi seluruh keluarga dan masyarakat. Ini dinamakan sebagai "imuniti kelompok" (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015). Pengambilan suntikan vaksin terbukti berjaya menyelamatkan nyawa dan mengurangkan kadar morbiditi serta mortaliti dalam sesebuah komuniti.

Oleh yang demikian, apabila sebahagian individu dalam sekelompok masyarakat menolak pemberian vaksin, maka imuniti kelompok tidak tercapai dan boleh mengakibatkan penularan semula penyakit cegahan vaksin (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015). Hal tersebut boleh memudaratkan nyawa individu lain dalam kumpulan masyarakat tersebut. Maka jelaslah vaksin bukan sahaja memberi perlindungan kepada diri malah turut memberi impak yang besar dalam melindungi keluarga dan masyarakat.

### **Kelima: Harta (*Hifz al-Mal*)**

Penjagaan kesihatan bukan sahaja melalui proses rawatan mengubati sesuatu penyakit, akan tetapi langkah yang perlu diberi keutamaan ialah proses pencegahan bagi menghindari sesuatu penyakit. Tidak dapat dinafikan, sesungguhnya proses pencegahan adalah lebih murah, berkesan dan mudah berbanding rawatan penyembuhan, seperti pencegahan sesuatu penyakit berbahaya melalui pemberian suntikan vaksin.

Justeru itu, penggunaan vaksin sebagai alat bagi mencegah penyakit-penyakit cegahan vaksin adalah langkah yang sangat efektif, murah, dan sangat menjimatkan

wang berbanding kos mendapatkan rawatan bagi mengubati penyakit-penyakit cegahan vaksin (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015).

Oleh yang demikian, penerangan di atas jelas menunjukkan penggunaan vaksin telah memenuhi tuntutan maqasid al-syariah dan dapat diaplikasikan selaras dengan lima prinsip utama *daruriyyat al-khams* iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

### **Kaedah Fiqh: Penelitian Masalah Dan Mafsadah**

Perdebatan oleh golongan masyarakat mengenai kebaikan (masalah) dan keburukan (mafsadah) daripada penggunaan vaksin boleh diselesaikan dengan meneliti pro dan kontra dalam isu penggunaan vaksin dan membuat pertimbangan dengan memilih pandangan yang lebih baik dari keduanya.

#### **Kaedah Pertama**

إذا تعارضت مصلحتان روعي أعلاهما بتفويت أدناهما

Maksudnya, “*Apabila bertembung antara dua masalah atau kepentingan maka masalah yang lebih besar didahulukan dari masalah yang kecil*” (al-Shatibi, 2010).

Menerusi kaedah ini dapat difahami bahawa masalah yang menjadi keutamaan adalah masalah yang memberi kesan dan manfaat yang lebih besar dari kesan manfaat yang sedikit. Dalam perbincangan vaksin, golongan yang menolak penggunaan vaksin lebih memilih rawatan alternatif seperti homeopati yang dikatakan berfungsi seperti vaksin untuk menguatkan sistem imun tubuh. Akan tetapi kenyataan ini telah disangkal oleh Pihak Perubatan Homeopati Malaysia sendiri bahawa sesungguhnya tidak wujud vaksin homeopati dalam silibus perubatan homeopati yang diamalkan mereka (Amirul Azmeer, 2016).

Walaupun kaedah homeopati mempunyai kebaikan tertentu dalam merawat penyakit akan tetapi tidak mampu berfungsi untuk memberi antibodi yang khusus seperti vaksin dalam menghindari jangkitan penyakit cegahan vaksin. Vaksin telah terbukti berkesan dalam mencegah penularan penyakit keatas individu dan turut melindungi sesebuah masyarakat (imuniti kelompok) secara menyeluruh. Ini menjelaskan bahawa, penggunaan vaksin memberi manfaat yang lebih besar dari penggunaan rawatan alternatif seperti homeopati yang memberi manfaat terhad kepada individu yang menggunakannya sahaja.

#### **Kaedah Kedua**

لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya, “*Tidak memudaratkan dan tidak memberi kemudahan*” (al-Suyuti, 2004).

Menerusi kaedah ini, dapat difahami bahawa kita dilarang melakukan kemudahan dan membalas kemudahan dengan kemudahan. Sesungguhnya garis panduan yang diterapkan menerusi kaedah ini turut bertepatan dengan saranan pengambilan vaksin. Penolakan vaksin oleh sebahagian individu akan memberi kemudahan kepada diri mereka sendiri dan juga akan memudaratkan nyawa orang lain dalam kelompok masyarakat tersebut. Ini kerana imuniti kelompok “*herd immunity*” tidak dapat dicapai dan memudahkan penularan penyakit-penyakit berbahaya dalam sesebuah kelompok masyarakat (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015).

#### **Kaedah Ketiga**

سد الذرائع

Maksudnya, “*Mencegah atau menyekat jalan yang membawa kepada kerosakan*” (al-Suyuti, 2004).

Vaksin yang berfungsi memberi kekebalan kepada sistem imun tubuh sebagai satu langkah pencegahan dan menutup jalan daripada merebaknya penyakit-penyakit cegah vaksin. Sesungguhnya vaksin dapat mencegah atau menyekat penyebaran penyakit yang boleh mengakibatkan kehilangan nyawa berbanding penggunaan rawatan alternatif yang hanya berfungsi merawat penyakit-penyakit tertentu sahaja apabila dijangkiti.

#### Kaedah Keempat

درء المفاسد مقدم على جلب المصالح

Maksudnya, “*Menolak kerosakan adalah didahulukan daripada mencari kemaslahatan*” (al-Suyuti, 2004).

Program imunisasi yang dijalankan oleh pihak kerajaan sebagai satu langkah pencegahan penularan penyakit adalah harus dari segi syarak dan bertepatan dengan panduan kaedah ini. Sesungguhnya pengambilan vaksin untuk mencegah penyakit merupakan langkah yang perlu diutamakan berbanding mendapatkan rawatan apabila dijangkiti penyakit yang memerlukan kos perbelanjaan tinggi kerana sesuatu kerosakan akan lebih berkembang dan bahayanya adalah lebih besar. Kaedah ini menjelaskan bahawa mencegah kemudaratan dengan penggunaan vaksin perlu diutamakan berbanding mencari kemaslahatan dengan mendapatkan rawatan alternatif yang tidak jelas fungsinya untuk menggantikan fungsi vaksin sebagai langkah pencegahan jangkitan penyakit.

#### Kaedah Kelima

إذا تعارض مفسدتان روعي أعظمهما ضررا بارتكاب أخفهما

Maksudnya, “*Apabila terjadi pertentangan antara dua kerosakan, maka yang lebih besar bahayanya diperhentikan dengan melakukan yang lebih ringan*” (al-Suyuti, 2004).

Dalam isu vaksinasi, kesan daripada persepsi yang berbeza-beza dalam kalangan masyarakat Malaysia maka timbul kekeliruan antara kemaslahatan dan kemudaratan daripada penggunaan vaksin. Tidak dinafikan sesungguhnya vaksin boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan. Menurut kenyataan yang dipetik dari Kementerian Kesihatan Malaysia, “*vaksin boleh menyebabkan kesakitan dan kemerahan pada tempat suntikan, akan tetapi kesan itu adalah ringan dan boleh sembuh dengan segera*”.

Belum ada laporan yang menunjukkan kesan sampingan yang teruk daripada pengambilan vaksin. Tetapi dari sudut lain, perlu dilihat bahawa penolakan vaksin akan memberi kemudaratan yang lebih besar iaitu kemungkinan berlakunya penyebaran penyakit-penyakit cegah vaksin yang mengakibatkan risiko kehilangan nyawa.

Merujuk kaedah ini, kemudaratan (kesan sampingan) daripada suntikan vaksin yang amat jarang berlaku adalah kemudaratan yang kecil berbanding pengabaian dan penolakan vaksinasi yang akan mengakibatkan risiko kematian. Apabila bertembung dua kemudaratan maka kemudaratan yang lebih kecil perlu diambil bagi mengelakan berlakunya kemudaratan yang lebih besar di masa hadapan.

#### Kaedah Keenam

الأصل في الأشياء الإباحة، حتى يدل الدليل على التحريم

Maksudnya, “*Asal segala sesuatu adalah diharuskan, sehingga ada dalil yang menunjukkan hukum harus terhapus*” (al-Suyuti, 2004).

Hukum mendapatkan rawatan adalah halal dan diharuskan kecuali ada dalil yang sahih dan jelas daripada syarak yang mengharamkannya. Pengambilan vaksin sebagai

langkah untuk mencegah penyakit berbahaya adalah dibolehkan berdasarkan kaedah ini. Hal ini kerana vaksin yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia disahkan halal dan diperbuat dari sumber-sumber yang diharuskan (Suhazeli Abdulah, 2014) melainkan jika ada bukti yang kukuh menyatakan vaksin tersebut diperbuat dari sumber-sumber yang haram, maka hukumnya haram digunakan.

Justeru penolakan vaksin oleh sebilangan masyarakat Malaysia atas alasan status vaksin dari sumber yang haram perlu merujuk kepada pakar dan pihak yang berautoriti. Menerusi kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak KKM dan JAKIM berkaitan status halal vaksin di Malaysia dapat mematahkan perasaan ragu-ragu terhadap kehalalan vaksin.

Kekeliruan dalam penggunaan vaksin oleh segolongan masyarakat menyebabkan berlaku pengabaian terhadap vaksin. Seharusnya kekeliruan ini perlu dirujuk kepada pihak yang arif dan berautoriti bagi menjawab permasalahan yang berlaku. Pengabaian vaksinasi oleh segolongan masyarakat disebabkan salah faham terhadap hujah-hujah tertentu mengakibatkan kesan buruk dan kemudaratan yang besar, demikian perhatian perlu diberikan dalam isu pengabaian vaksinasi oleh sesetengah pihak bagi mengelakkan berlakunya kemudaratan yang lebih besar di masa hadapan.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, vaksinasi merupakan usaha kerajaan bagi mencegah penyakit-penyakit yang boleh dicegahan menggunakan vaksin untuk memastikan kesihatan rakyatnya terjamin dan berterusan dalam keadaan baik. Usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan ini menghadapi cabaran penolakan oleh sebahagian masyarakat. Oleh yang demikian, penelitian terhadap usaha ini perlu diberikan dengan memberi penjelasan berkaitan kepentingan vaksin bagi merungkai kekeliruan dan kesalah fahaman yang berlaku.

Penjelasan dari sudut hukum dan keperluan vaksinasi yang memenuhi prinsip maqasid syariah menunjukkan bahawa usaha ini selaras dengan tuntutan agama. Jelaslah Islam merupakan agama yang syumul dan memberi solusi kepada umatnya dalam setiap permasalahan seiring dengan perubahan zaman. Sesungguhnya vaksinasi merupakan usaha pencegahan daripada penularan penyakit-penyakit berbahaya telah memberi manfaat yang besar dalam aspek kehidupan serta menjauhkan masyarakat daripada kemudaratan di masa akan datang.

## RUJUKAN

al-Quran.

Abd Rahman. 2013. *Vaksin Haji Haram? Benarkah Suntikan Pelalian Vaksin Meningococcal Meningitis Mengandungi Unsur Babi*. Kuala Lumpur: H Science Solution.

Basri Ibrahim. 2015. *Fatwa-Fatwa Berkaitan Fiqh Semasa Di Malaysia*. Al-Hidayah House Of Publishers Snd.Bhd. Selangor Darul Ehsan.

Colson, A.C. 1970. *The Prevention of Illness in a Malay Village: An Analysis of Concept and Behaviour*. Ph.D. Thesis, Stanford University.

al-Ghazali. 1997. *Al Mustasfa*. Jil. 1. Bayrut: Dar lhya' al-Turath al-Arabi.

Gordon L. Ada. 1994. *Vaccination & World Health*. England: John Wiley & Sons Ltd.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad Ibn Abi Bakr. 1990. *I'lam al-Muwaqqi'in 'An Rabb al-'Alamin*. Jil. 3. Kaherah: Dar al-Hadith.

Noor Hasima Nagoor. 2003. *Imunologi Asas*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Hafezee Mohd Arop. 2016. *Ubat Kedegilan- Jabatan Kesihatan Perak Guna Pendekatan Drastik Terima Vaksin*. Harian Metro. 2016.

Muslim bin al-Hajjaj Abu Husayn al-Qushayri al-Naysaburi. 2000. *Sahih Muslim*. al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Siti Aisyah Ismail. 2014. *Kontroversi Imunisasi*. Pustaka Al-Kautsar, Jakarta Timur.

- Suhazeli Abdullah. 2014. *Vaksin Untuk Bayi Anda Mitos Vs Reality*. Koperasi Amal Medik Malaysia Bhd. Pasir Mas Kelantan.
- al-Suyuti, Jalaluddin Abdul Rahman. 2004. *Kaedah-Kaedah Hukum Islam Mazhab Syafi'i*. KL: Crescent News (KL) Snd. Bhd.
- al-Shatibiyy, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa. t.th. *al-Muwafaqat Fi Usul al-Shari'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Qazwayni, Muhammad bin Yazid Abd Abdullah. 1417H. *Sunan Ibn Majah*. al-Riyad: Maktabat al-Ma'arif li al-Nashr al-Tawzi'.

### Jurnal

- Abul Fadl Mohsin Ebrahim 2014. *Vaccination In The Context Of Al-Maqasid Al-Shari'a: Objectives Of Divine Law And Islamic Medical Jurisprudence*. Oman Chapter of Arabian Journal of Business and Management Review 3. 10: 44-52.
- Archana Chatterjee. 2013. *Vaccinophobia And Vaccine Controversies Of The 21st Century*. New York: Springer Science Bussiness Media.
- Nathalie Garcon, Geert Leroux-Roels & Wen-Fang Cheng. 2011. *Vaccine Adjuvants. Perspectives in Vaccinology* 1, 1: 89-113.

### Internet

- Amirul Azmeer. 2016. *6 Persepsi Vaksin Yang Merosakkan Masyarakat*. <http://alazhar.perubatan.org/2016/07/6-persepsi-vaksin-yang-merosakkan-masyarakat> (Dicapai pada 6 April 2017)
- Anon. 2016. *Pakar Perubatan Dan Tokoh Agama Malaysia Selah Ibu Bapa Anti-Vaksin*. Benar News. <http://www.benarnews.org/malay/berita/my-difteria-160624-062420> (Dicapai pada 3 Januari 2017).
- Anon. 25 April 2016. *Tiga Penyakit Cegahan Vaksin Muncul Kembali*, Berita Harian. <http://www.moh.gov.my/> (Dicapai pada 30 Mei 2016).
- Anon. 2015. Sinar Harian Online <http://www.sinarharian.com.my/nasional/saysedih-bila-ibu-bapa-tolak-beri-anak-vaksin> (Dicapai pada 16 Mei 2016).
- Chanel News Asia. 2 november 2015. *More Parents Rejecting Children's Immunisation Over Pig DNA Fears*. <https://www.channelnewsasia.com/news/asiapacific/more-malaysian-parents/2233628.html> (Dicapai pada 23 febuari 2017).
- Gregory A. Poland & Andrew W. Artenstein. *Vaccine history: The Past As Prelude To The Future*. 2012. [www.elsevier.com/locate/vaccine](http://www.elsevier.com/locate/vaccine) (Dicapai pada 22 April 2016).
- lcn Merck & Co. *Attenuvax (Measles Virus Vaccine Live)* 2006. [http://vaccines.procon.org/sourcefiles/Attenuvax\\_packaga\\_insert.pdf](http://vaccines.procon.org/sourcefiles/Attenuvax_packaga_insert.pdf).
- Kementerian Kesihatan Malaysia dan JabatanKemajuan Islam Malaysia, Julai 2015, *Soalan Lazim Mengenai Vaksin Dan Imunisasi*. <http://www.moh.gov.my> (Dicapai pada 6 Jun 2016)
- Khoo Yoong Khean. 2013. *Gerakan Anti Vaksin Keliru Fakta Sebenar*. <http://www.mmgazette.com/gerakan-anti-vaksin-keliru-faktasebenar-dr-khoo-yoong-khean/> (Dicapai pada 5 Mei 2016).
- Margaret Chan. 2014. *Beyond Expectations: 40 Years of EPI*. *The Lancet* 383: 1697-1698. Mstar. (2016). 5 Julai. *Wajib Lindungi Kanak-Kanak Melalui Vaksin*, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2016/07/05/wajib-lindungi-kanak-kanak-vaksin/> (Dicapai pada 19 September 2016).
- Norkuma awang. 2016. *vaksin dan tuntutan maqasid syariah*. Utusan Online, 31 Oktober 2016. <http://www.utusan.com.my/rencana/vaksin-dan-tuntutan-maqasid-syariah-rencana-utusanonline> (Dicapai pada 1 Mac 2017).
- Novella steven, *The Incet retracts andrew wekefield's article*. *Science-based medicine*. <http://www.sciencebasedmedicine.org/index.php/lancet-retracts-wakefield-article> (Dicapai pada 11 januari 2017).
- Persatuan Pendiatrik Malaysia. 2006. <http://mpaweb.org.my> (Dicapai pada 15 Mei 2016).

- Pseudoscience Watch. 2016. *Bekam Anak Sejak Usia 25 Hari*. Pseudoscience Watch. <https://www.facebook.com/pswatch1/posts/1256448524366089> (Dicapai pada 8 Desember 2016)
- Zubaidi Ahmad, 2015. *Vaksin dan cabarannya di Malaysia*. <https://www.fwcebook.com/DrZubaidiHjAhmad/post/949714818381927> (Dicapai pada 6 Januari, 2017)

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*